

Wadah perkukuh hidup beragama

Oleh HALIFI HUSSIN

mdhalifi@sph.com.sg

KONSEP Identiti Muslim Singapura (SMI) adalah wadah penting bagi mengukuhkan lagi kehidupan beragama masyarakat Islam Singapura. Ia dapat dijadikan pedoman hidup bukan saja dalam hubungan Muslim dengan Allah *swt* bahkan dalam pergaulan harian dengan anggota masyarakat lain.

Demikian menurut Presiden Majlis Ugama Islam Singapura (Muis), Haji Mohd Alami Musa, dalam ucapannya di majlis iftar Muis semalam. Majlis di Masjid Al-Taqua di Jalan Bilal, dekat Bedok Road, itu turut diha-

Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, dan Speaker Parlimen, Encik Abdullah Tarmugi.

Haji Mohd Alami berkata konsep SMI dapat memberi garis pandu kepada umat Islam tentang bagaimana mereka dapat menjalankan kehidupan harian sebagai Muslim yang taat kepada Allah di negara Singapura yang sekular dan berbilang kaum serta agama.

Contoh amalan konsep SMI ini jelas kelihatan melalui interaksi antara aktivis masjid dan anggota masyarakat kaum lain dalam kegiatan-kegiatan akar umbi.

"Ini satu contoh untuk menunjukkan bahawa konsep SMI sudah wujud di kalangan umat Islam di negara ini. Konsep SMI bukanlah konsep

baru. Yang penting, penghayatan ciri-ciri SMI yang lebih meluas, yang dapat menjadi bukti bahawa kita benar-benar ingin menghidupkan semangat menjadi masyarakat contoh yang dituntut oleh agama kita.

"Tambahan lagi, di tengah-tengah dunia yang amat mencabar martabat Islam dan kaum Muslim, kita dapat memainkan peranan dalam memapar budi bicara dan akhlak sebagai Muslim baik," kata Haji Mohd Alami.

Majlis iftar itu diadakan di Masjid Al-Taqua sempena perasmianya setelah menjalani ubah elok sejak Disember tahun lalu. Siap bulan lalu, masjid itu kini antara lain mempunyai ruang solat lebih besar, yang dapat menampung 800 orang jemaah, berbanding 400 sebelumnya.



FOTO: M.O.SALLEH

BANGUNAN BARU: (*barisan kanan, dari depan*) Haji Mohd Alami, Dr Yaacob, Encik Abdullah dan Menteri Negara Kanan (Ehwal Luar), Encik Zainul Abidin Rasheed, Anggota Parlimen GRC Marine Parade, Dr Muhammad Faishal Ibrahim, di majlis iftar Muis di Masjid Al-Taqua yang baru siap diubah elok.